

18/08/2002

Belajar secara rahsia (HL)

Sariha Mohd Ali

BANDAR JENGKA: Kementerian Pendidikan mendedahkan, kumpulan yang menentang kuat pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, sebenarnya sudah lama menjalankan program itu di sekolah swasta yang diuruskan mereka, secara rahsia.

Pada sebelah pagi, pelajar di sekolah Cina berkenaan akan belajar bahasa Mandarin bermula dari A hingga Z, manakala pengajian di sebelah petang pula, membabitkan pengajaran semua mata pelajaran dalam bahasa Inggeris dengan yuran RM75 sebulan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin, berkata bantahan yang dikemukakan kumpulan terbabit terhadap hasrat kerajaan melaksanakan pengajaran bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran berkenaan di seluruh negara tahun depan, membuktikan ada usaha dilakukan pihak tertentu untuk menyekat kemajuan bangsa lain.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berasa bimbang dengan perkembangan itu, bertindak bijak dengan tidak membenarkan kumpulan terbabit bermaharajalela, sebaliknya kerajaan lebih mengutamakan kepentingan umum.

"Saya boleh tunjukkan sekolah swasta Cina ini, sama ada di Ipoh atau Kuala Lumpur, yang sudah lama melaksanakan pengajaran dalam bahasa Inggeris untuk semua mata pelajaran kepada muridnya dengan yuran bulanan RM75, selain belajar bahasa Mandarin pada waktu pagi.

"Apabila kita mahu melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, mereka menentang kuat sedangkan mereka sendiri sudah memulakan program itu lebih awal.

"Ini menunjukkan kumpulan terbabit hanya mahu kaumnya yang maju dengan menyekat kaum lain menyaingi kemahiran itu. Kita tidak akan tunduk terhadap tekanan itu," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Konvokesyen kali pertama Kolej Sentral, dekat sini semalam.

Beliau turut menyampaikan diploma dan sijil kepada 286 pelajar kolej berkenaan iaitu empat pelajar Diploma Perakaunan, Sijil Lanjutan Sistem Komputer Tahap Tiga (12), Sijil Sistem Komputer Tahap Dua (241) dan 29 pelajar menerima Sijil Sistem Maklumat Tahap Dua.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Warisan Jengka Holdings (M) Sdn Bhd, Md Sharif Md Arsat, Pengarah Jabatan Pendidikan Pahang, Datuk Abdul Rahim Mohamad dan Ketua Pengarah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan, Rozikin Hamzah.

Kolej Sentral adalah milik penuh Warisan Jengka Education Sdn Bhd.

Abdul Aziz berkata, tindakan berani kerajaan melaksanakan program yang dianggap berisiko ini adalah untuk memastikan generasi muda di Malaysia maju dan memiliki kemahiran setanding negara lain.

Katanya, mereka yang masih keliru dengan isu itu, akhirnya akan faham dan mengakui kepentingan menguasai bahasa Inggeris boleh membawa perubahan kepada diri sendiri dan negara.

"Sebagai kerajaan bertanggungjawab, kita mesti usahakan dari sekarang supaya anak kita tidak tertinggal jauh.

"Kita minta semua pihak berfikir sebagai 'Malaysian' dan bukannya mementingkan kaum sama ada Melayu, Cina atau India.

"Jika kita terus mementingkan bangsa masing-masing, negara tidak akan stabil tetapi jika anggap diri sebagai 'Malaysian', ini bermakna kepentingan semua kaum akan terus dijaga," katanya.